

17 NOV 2000

Abdullah-Lunas

PATUHI GARIS PANDUAN BERKEMPEN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua pihak yang akan berkempen pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas supaya mematuhi garis panduan berkempen.

Beliau berkata mana-mana pihak tidak seharusnya membangkitkan isu perkauman atau isu sensitif ketika berkempen.

Katanya, pengalaman lepas seperti pada pilihan raya kecil Parlimen kawasan Teluk Kemang mendapati parti pembangkang cenderung membangkitkan isu perkauman dan isu sensitif untuk meraih undi.

"Pembangkang akan gunakan apa sahaja cara asalkan mereka dapat memancing undi," katanya kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri Republik Czech Pavel Mertlik di pejabatnya di sini.

Hari penamaan calon bagi pilihan raya kecil DUN kawasan Lunas ialah 21 Nov ini dan jika ada pertandingan, pilihan raya akan diadakan pada 29 Nov.

Calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil itu ialah bekas penolong setiausaha MIC Kedah, S.Anthonysamy. Calon pembangkang pula belum diumumkan lagi.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian penyandanginya, Dr Joe Fernandez pada 4 Nov lalu.

Abdullah berkata rakyat perlu bijak menilai tomanan serta tuduhan melulu yang dilemparkan oleh pembangkang terhadap pemimpin kerajaan ketika berkempen.

Mengenai Persidangan Khas Umno esok, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata ini merupakan kali pertama Umno menggunakan pendekatan konsultasi dalam merangka pindaan yang akan dicadangkan nanti.

Beliau berkata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan serta anggota-anggota jawatankuasa itu telah turun padang menemui pemimpin Umno di peringkat bahagian serta cawangan bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai cadangan pindaan itu.

Beliau memberi jaminan semua cadangan yang dikemukakan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Kata Abdullah, semua pindaan apabila diluluskan akan dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk kelulusan dan ianya akan berkuatkuasa dengan serta merta.

Semalam, MT dalam mesyuaratnya di sini telah memutuskan untuk terus mengekalkan tempoh pemilihan bagi jawatan MT dan bahagian kepada tiga tahun sekali, bukan mengikut tempoh penggal Dewan Rakyat seperti yang dicadangkan sebelum ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Abdulah kerana Dr Mahathir ketika itu berada di Brunei untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Bandar Seri Begawan.

MT juga semalam memutuskan untuk melanjutkan tempoh pemilihan bagi peringkat cawangan kepada tiga tahun sekali berbanding dua tahun ketika ini.

-- BERNAMA

AKT ES RHM